



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Pengarah Hospital Sultan Ismail Johor Bahru, Johor **menafikan** dakwaan bahawa hospital tersebut hampir kehabisan bekalan "*Personal Protection Equipment*" (PPE) dan **menjelaskan** bahawa KKM serta pihak hospital sentiasa berusaha memastikan bekalan PPE sentiasa ada bagi meneruskan perkhidmatan rawatan kepada pesakit.
2. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas **menafikan** bahawa kerajaan Negeri Sarawak akan mengisytiharkan "*lockdown*" selama tiga hari di Sarawak berikutan tersebarnya notis bertajuk "*3 Days Total Lockdown Challenge, Sarawak, 17th, 18th & 19th April 2020*" yang sebenarnya bukan inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak dan seterusnya **menggesa** orang ramai agar terus mematuhi arahan PKP yang sedang berkuatkuasa.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
17 April 2020 | 7.30 Malam**

